

PM kesal sikap

BM 11 OCT 1984

wartawan dua muka

SUBANG JAYA, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal ada di kalangan pemberita tempatan yang menulis berita-berita menghina negara ini kepada akhbar-akhbar luar negeri.

Perdana Menteri berkata, pemberita-pemberita itu, apabila menulis dalam akhbar tempatan lain bunyinya.

"Tetapi untuk akhbar luar negeri, mereka mencera dan menghina negara sendiri, mencaci pemimpin dan Raja-Raja dan sanggup menjatuhkan maruah negara mereka sendiri," tegasnya.

Beliau berkata, nama pemberita itu sendiri tidak disiarkan, tetapi mereka tentulah dipuji oleh wartawan-wartawan asing.

Sambil menyatakan kesal adanya anasir-anasir seperti itu di kalangan pemberita tempatan, Perdana Menteri berkata, mereka sebenarnya sudah menjadi alat kepada bangsa-bangsa yang tidak senang melihat kejayaan Malaysia.

Menegur

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan demikian di majlis penyampaian Anugerah Kewartawan Malaysia anjuran Institut Akhbar Malaysia di sini, malam tadi.

Inilah kali kedua dalam perhimpunan

yang sama Datuk Seri Dr Mahathir menegur sikap setengah-setengah wartawan tempatan yang memutar-belitkan berita negara ini untuk akhbar-akhbar luar negeri.

Dalam ucapannya tahun lalu, beliau mendedahkan bahawa sikap dan tanggungjawab akhbar tempatan tidak menyenangan beberapa wartawan Malaysia yang berkhidmat dengan akhbar-akhbar luar negeri.

Katanya, "Orang-orang ini, terutama yang berasa kecewa kerana tidak mendapat sesuatu bagi diri sendiri sewaktu berkhidmat dalam negara, tidak jemu memutar-belitkan berita negara sendiri, supaya mereka dipuji oleh majikan asing mereka."

"Kita melihat telatah orang-orang kesayangan akhbar-akhbar luar negeri ini dengan jijik," tambahnya.

Mencruskan ucapan-nya malam tadi, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau memberanikan diri untuk membuat teguran itu walaupun mejanya boleh dirosakkan oleh akhbar-akhbar.

Katanya, Malaysia masih belum menjadi negara yang maju dan kuat, yang kebal dan tidak boleh dihancurkan. "Kita masih lemah. Biarlah amalan masyarakat yang kukuh dan kuat di negara Barat tinggal di Barat.

"Kita perlu berhati-hati kerana jika tidak, mungkin kita akan kekal dengan keclmahan kita tanpa sedikit pun mengecap kejayaan dan kita akan terus diperhamba dan dihinakan," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengingatkan akhbar-akhbar tempatan supaya mengelakkan diri daripada perkara-perkara yang akan memberi kesan buruk kepada masyarakat.